

Promosi Akaun Gaji “Perolehi LEBIH dengan Gaji Anda”

Last updated on 18 June 2018

TEMPOH PROMOSI

Promosi Akaun Gaji “Perolehi LEBIH dengan Gaji Anda” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [kemudian daripada ini disebut secara kolektif sebagai “Bank”] bermula dari 19 Jun 2018 hingga 18 September 2018 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Promosi”) melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut.

Kelayakan

1. Promosi terbuka kepada seluruh pelanggan Akaun/-i Sertaan yang baharu dan/atau sedia ada (seperti diperuntukkan dalam Fasal 2 di bawah) dengan Bank yang merupakan pelanggan individu warga Malaysia dan individu bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
2. Akaun/-i Sertaan (“Akaun Sertaan”) bagi Promosi ini adalah seperti berikut:-
 - (a) Akaun Simpanan Gaji Asas/-i Hong Leong;
 - (b) Akaun Simpanan Gaji/-i Hong Leong;
 - (c) Akaun Gaji Pay&Save/-i Hong Leong;
 - (d) Akaun Simpanan Asas/-i Hong Leong;
 - (e) Akaun Simpanan Berbilang Tingkat-i Hong Leong;
 - (f) Akaun Simpanan/-i Hong Leong;
 - (g) Akaun Semasa Asas Hong Leong;
 - (h) Akaun Semasa Hong Leong;
 - (i) Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong;
 - (j) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong;
 - (k) Akaun Pay&Save/-i Hong Leong;
 - (l) Akaun Smartlink Hong Leong;
 - (m) Akaun Top Yield Hong Leong;
 - (n) Akaun One Hong Leong
 - (o) Akaun One Semasa/-i Hong Leong;
 - (p) Akaun Gaji Plus-i Hong Leong; dan/atau
 - (q) Akaun Deposit Tabung Duit Hong Leong

Akaun Sertaan-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq dan layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").

3. Promosi terbuka kepada Dana Baharu sahaja. “Dana Baharu” ditakrif sebagai:
 - (a) Wang tunai, FPX, pindahan segera, GIRO antara bank, dana baharu diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Sertaan Pelanggan sedia ada atau baharu yang dibuka dengan Bank. Bagi tujuan ini, dana baharu mestilah diletak dan didepositkan ke dalam Akaun Sertaan Pelanggan yang sedia ada atau baharu dalam Tempoh Kitaran; dan
 - (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa dan Simpanan / Akaun Semasa/-i dan Akaun Simpanan-i Bank (“CASA/CASA-i”).
4. Pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Promosi:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemufisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;
 - (b) Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang ditetapkan di dalam ini; dan/atau
 - (c) Kakitangan Bank secara tetap dan kontrak dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka.

KAEDAH PROMOSI

5. Bagi melayakkan diri untuk Promosi ini, Pelanggan mestilah dapat memenuhi Kriteria Promosi seperti dipaparkan dalam jadual di bawah ini (“**Pelanggan Layak**”) semasa Tempoh Promosi.

| Butiran | Kriteria Promosi | Ganjaran Tunai |
|-----------------|--|----------------|
| Tempoh Promosi | 19 Jun 2018 – 18 September 2018 | |
| Kaedah & Syarat | <p>700 pelanggan pertama sebulan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Deposit minimum Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) dengan dengan Bank selama tiga (3) bulan berturut-turut DAN (ii) Minimum satu (1) transaksi e-Bayaran Terpilih sebulan selama tiga (3) bulan sama berturut-turut | RM100 |

6. Transaksi e-Bayaran Terpilih yang berhak menyertai Promosi ini adalah seperti di bawah
- (a) Transaksi JomPAY dengan amaun minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00);
 - (b) Transaksi GIRO Antara Bank (“IBG”) dengan amaun minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00);
 - (c) Bayaran Bil melalui Connect dengan amaun minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00); dan/atau
 - (d) Bayaran Kad Kredit HLB / Bayaran Pinjaman Perumahan HLB / Bayaran Pembiayaan Hartanah-i HLISB dengan amaun minimum Ringgit Malaysia (RM100.00)
7. 700 Pertama Pelanggan Layak pada setiap Tempoh Kitaran yang berjaya mendepositkan amaun minimum Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) dengan Bank selama tiga (3) bulan berturut-turut dan melakukan satu (1) transaksi e-Bayaran Terpilih sebulan (amaun minimum Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) selama tiga (3) bulan sama berturut-turut (“**Pemenang**”) akan layak menerima RM100 dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan mereka dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari selepas Tempoh Promosi.

| Kitaran | Tempoh Kitaran | Bil. Pemenang Unik | Masa Pemenuhan |
|---------|-----------------------------|--------------------|---|
| 1 | 19 Jun – 18 Julai 2018 | 700 | Dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari selepas Tempoh Promosi |
| 2 | 19 Julai – 18 Ogos 2018 | 700 | |
| 3 | 19 Ogos – 18 September 2018 | 700 | |

8. Sekiranya berlaku seri, iaitu lebih daripada satu (1) orang Pelanggan Layak memenuhi Kaedah & Syarat Promosi bagi kedudukan ke-700 dalam mana-mana Tempoh Kitaran, Pelanggan Layak yang mempunyai deposit tambahan tertinggi sepanjang Tempoh Promosi akan layak menjadi Pemenang.
9. Untuk menyertai Promosi, borang penyertaan promosi atau pendaftaran penyertaan tidak diperlukan. Bank akan menjelaki Pelanggan Layak secara automatik pada akhir Tempoh Promosi, bagaimanapun Pemenang TIDAK akan diberitahu pada masa itu juga sama ada mereka berjaya melayakkan diri untuk Ganjaran Tunai atau tidak.
10. Bagi Pelanggan Layak yang mempunyai lebih daripada satu (1) Akaun Sertaan, setiap Akaun Sertaan dianggap sebagai penyertaan berasing. Bagaimanapun, Pelanggan Layak hanya boleh memenangi tidak lebih daripada SEKALI sepanjang Tempoh Promosi biarpun mereka mempunyai berbilang Akaun Sertaan yang layak.
11. Akaun Sertaan Pelanggan Layak mestilah pada setiap masa kekal terbuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) bagi tujuan pemenuhan Kaedah Promosi. Sekiranya Akaun Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa sebelum pemenuhan, Pelanggan Layak akan terlucut kelayakannya daripada menyertai Promosi.
12. Setakat dan sejauh yang dibenarkan undang-undang, Bank adalah terkecuali daripada sebarang tanggungjawab dan segala liabiliti yang berbangkit daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau pertukaran butiran Ganjaran Tunai atau sebarang keadaan luar jangka di luar kawalan munasabah Bank dan daripada sebarang tindakan atau keingkaran mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.
13. Perkhidmatan SMS untuk Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) (“M3Tech”), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.

UMUM

14. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:

- i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma dan Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan Terma & Syarat Akaun Sertaan;
- ii) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani;
- iii) mengakses laman sesawang HLB di www.hlb.com.my dan / atau laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my (“**laman sesawang Bank**”) dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan dan pindaan kepada Terma & Syarat;
- iv) Ganjaran Tunai yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barang; dan
- v) bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.

15. Bank berhak:

- (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggantian ganjaran tunai dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya, menurut budi bicara mutlak Bank, dengan cara menyiarkannya dalam laman sesawang Bank, dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
- (ii) meminda, menambah, membatalkan atau menggantikan mana-mana atau seluruh Ganjaran Tunai dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
- (iii) menentukan atas budi bicara mutlaknya siapa yang akan menjadi Pemenang sekiranya berlaku seri seperti dinyatakan dalam Fasal 8 di atas;
- (iv) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab sekalipun, yang Bank anggap wajar atas budi bicara mutlaknya, daripada menyertai Promosi dan/atau layak mendapat hadiah; dan
- (v) melupuskan Ganjaran Tunai sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan/atau Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong berkenaan CASA Hong Leong, Akaun Semasa dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i) dan semua undang-undang/peraturan lain yang berkenaan.

16. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.

17. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka Terma & Syarat dalam laman sesawang Bank hendaklah diutamakan.

18. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

19. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun/-i Sertaan adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”)